



PINJAMAN PERIBADI CONNECT KEMPEN KRISMAS

Kemaskini terakhir pada 30 November 2022

TEMPOH KEMPEN

"Pinjaman Peribadi Connect Kempen Krismas ("Kempen") Hong Leong Bank Berhad (193401000023 (97141-X)) ("HLB") bermula pada jam 0001, 13 Disember 2022 dan tamat pada jam 2359 13 Disember 2022, ("Tempoh Kempen") kecuali dimaklumkan sebaliknya.

TERMA & SYARAT

Berikut adalah terma dan syarat yang terpakai untuk Kempen ("T&S"):-

KELAYAKAN

1. Kempen ini terbuka kepada semua individu warganegara Malaysia ("Pelanggan") yang memenuhi kriteria kelayakan yang berikut:
 - (a) Berumur antara 21 – 60 tahun;
 - (b) Pengguna Connect berdaftar;
 - (c) Bekerja bergaji atau bekerja sendiri dengan pendapatan minimum Ringgit Malaysia Dua Puluh Empat Ribu (RM24,000) setahun;
 - (d) Mempunyai Akaun Semasa/Akaun Semasa-i dan/atau Akaun Simpanan/Simpanan-i individu ("CASA-i") yang sah dan aktif dengan HLB dan/atau Hong Leong Islamic Berhad (secara kolektif dirujuk sebagai "Bank");
 - (e) tidak mempunyai Pinjaman Peribadi HLB dan/atau Pembiayaan Peribadi-i HLISB sedia ada.
2. Berikut yang **TIDAK** layak untuk menyertai Kempen:
 - (a) Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki oleh Bank melakukan sebarang penipuan, perbuatan atau kesalahan di sisi undang-undang yang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberikan oleh Bank atau Pelanggan yang telah diisyiharkan muflis atau tertakluk kepada sebarang prosiding kemuflihan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Kempen; dan
 - (b) Kakitangan tetap dan kakitangan kontrak dengan Bank.

MEKANIK KEMPEN

3. Untuk menyertai Kempen ini, Pelanggan dikehendaki memenuhi terma yang berikut semasa tempoh kempen:
 - (a) memohon untuk Kemudahan berikut seperti yang tertakluk di Jadual 1 di bawah:

Jadual 1

Saluran Pemohonan	Kemudahan	Amaun Kemudahan Dipohon*		Tempoh Kemudahan
		Amaun Minimum	Amaun Maksimum	
HLB Connect	Pinjaman Peribadi HLB	RM5,000	RM250,000	2 hingga 5 tahun

*Untuk mengelakkan sebarang keraguan, amaun Kemudahan yang diluluskan tidak semestinya bersamaan dengan amaun Kemudahan yang dipohon oleh Pelanggan.

- (b) Permohonan untuk Kemudahan dihantar melalui saluran Connect sahaja.
- (c) Kemudahan diluluskan dan disalurkan ke dalam akaun mereka sebelum/pada 31 Januari 2023.



4. Jika atas sebab tertentu, Jumlah Kemudahan yang diluluskan kurang daripada Amaun Minimum Kemudahan Dipohon, walaupun Pelanggan memohon Amaun Kemudahan yang melebihi Amaun Minimum, Pelanggan tidak layak untuk menyertai Kempen ini. Untuk tujuan Kempen ini, Pelanggan yang telah memenuhi semua kriteria di Klausula 3 di atas akan dirujuk sebagai "**Pelanggan yang Layak**".

A. PULANGAN TUNAI

5. Lima puluh (50) Pelanggan yang Layak pertama yang memenuhi semua kriteria di bawah berhak menikmati Pulangan Tunai sebanyak Ringgit Malaysia Two Ratus Lima Puluh (RM250)
6. Untuk Pelanggan yang Layak yang layak menerima Pulangan Tunai ("**Pelanggan yang Berkelayakan**"), Pulangan Tunai akan dikreditkan ke dalam CASA/-i akaun Pelanggan yang Layak yang dikekalkan dengan Bank. Jika Pelanggan yang Layak mempunyai lebih daripada satu CASA/-i akaun dengan Bank, Pulangan Tunai akan dikreditkan ke CASA/-i yang dengan transaksi terkini pada Tarikh Pemenuhan Pulangan Tunai seperti yang tertakluk di Jadual 2 di bawah.

Jadual 2

Tempoh Permohonan	Tempoh Penyaluran	Tarikh Pemenuhan Pulangan Tunai
13 Disember 2022	Sebelum/pada 31 Januari 2023	Sebelum/pada 28 Februari 2023

7. Pelanggan yang Layak akan dimaklumkan oleh HLB dengan cara penyiaran senarai Pelanggan yang Layak (nama-nama terlindung, NRIC terlindung, nombor CASA/-i terlindung dan jumlah pulangan tunai) di www.hlb.com.my/pl250cb ("**Laman Sesawang Kempen**") sebelum atau pada Tarikh Pemenuhan Pulangan Tunai yang ditunjukkan di Jadual 2 di atas.
8. Sekiranya Pulangan Tunai tidak diterima, Pemenang Pulangan Tunai hendaklah memaklumkan HLB dalam masa satu (1) bulan selepas 28 Februari 2023, jika gagal berbuat demikian maka Pemenang Pulangan Tunai akan dianggap telah menerima Pulangan Tunai itu.

B. KADAR FAEDAH PROMOSI

9. Permohonan Kemudahan oleh Pelanggan yang Layak yang telah diluluskan dan disalurkan sebelum/pada 31 Januari 2023, layak untuk menikmati kadar faedah rata seperti yang tertera di Jadual 3 di bawah:

Jadual 3

Saluran Permohonan	Jenis Produk	Pendapatan Bulanan yang disahkan	Jumlah Kemudahan yang Dikeluarkan	Kadar Faedah Rata
HLB Connect	Kemudahan	RM2,000 dan ke atas	RM5,000 – RM49,000	6.00% setahun
			RM50,000 – RM250,000	5.00% setahun

Nota: Kadar faedah rata efektif berbeza seperti berikut bergantung kepada tempoh pinjaman dari 2 – 5 tahun kecuali dinyatakan sebaliknya:

- (i) Kadar faedah rata 5.00% setahun – Kadar faedah efektif rata berkisar dari 9.15% setahun hingga 9.32% setahun.



- (ii) Kadar faedah rata 6.00% setahun – Kadar faedah efektif rata berkisar dari 10.85% setahun hingga 11.13% setahun.
10. Pelanggan yang Layak akan dimaklumkan oleh Bank melalui e-mel yang didaftar dalam sistem HLB tentang kelayakan untuk menikmati Kadar Faedah Rata apabila permohonan mereka telah diluluskan.
11. Ilustrasi ansuran bulanan yang perlu dibayar untuk amaun Kemudahan yang dikeluarkan sebanyak Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000) yang diambil untuk Tempoh Kemudahan lima (5) tahun adalah seperti di Jadual 3 bawah:

Jadual 3

Amaun Kemudahan yang Dikeluarkan*	Tempoh Kemudahan (Tahun)	Kadar Faedah Rata (setahun) atas Amaun Kemudahan Dikeluarkan	Jumlah Faedah Rata Yang Perlu Dibayar sepanjang Tempoh Kemudahan	Ansuran Bulanan**
(a)	(b)	(c)	(d)= a x b x c	(e)= (a+d) / (b x 12)
RM5,000	5	6.00% setahun	RM1,500	RM110

*0.50% daripada Amaun Kemudahan Dikeluarkan akan ditolak daripada Kemudahan semasa penyaluran untuk cukai setem yang perlu dibayar atas Kemudahan tersebut.

**Ansuran akan dibundarkan ke atas kepada Ringgit Malaysia Lima (RM5) yang terdekat.

UMUM

12. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan/ Pelanggan yang Layak dengan ini:
- mengesah bahawa telah membaca, memahami dan bersetuju untuk diikat oleh T&S yang tertakluk di sini dan Terma dan Syarat Pinjaman Peribadi HLB;
 - mengesah bahawa telah membaca, memahami dan bersetuju untuk diikat oleh [Notis Privasi Bank](#);
 - bersetuju untuk melawat Laman Sesawang Kempen pada selang masa yang kerap untuk membaca T&S dan untuk mengikut sebarang perubahan atau perbezaan kepada T&S;
 - bersetuju membekalkan semua dokumen berkaitan yang mungkin diminta oleh Bank tepat pada masanya supaya Kemudahan dapat diluluskan dan disalurkan sebelum/pada 31 Januari 2023. Sekiranya Pelanggan yang Layak tidak menyerahkan semua dokumen berkaitan tepat pada waktunya, Bank tidak akan bertanggungjawab jika Kemudahan tidak dapat disalurkan sebelum/pada 31 Januari 2023;
 - bersetuju bahawa keputusan Bank dalam semua perkara berkaitan Kempen (termasuk tetapi tidak terhad kepada kelulusan Kemudahan dan/atau amaun Kemudahan diluluskan) adalah muktamad, akhir dan mengikat; dan
 - bersetuju akan memikul tanggungjawab dan secara peribadi akan menanggung semua cukai yang dikenakan, caj kerajaan atau sebarang caj lain yang boleh dikenakan berdasarkan undang-undang yang berkenaan, jika ada, berkait dengan penyertaan mereka dalam Kempen ini.
13. Bank berhak untuk:
- menolak mana-mana permohonan Kemudahan yang tidak layak;
 - membatalkan kelayakan mana-mana Pelanggan daripada menyertai Kempen ini sebagai akibat ketidakpatuhan kepada T&S yang terdapat di sini; dan



- (iii) menambah, memadam, menggantung atau meminda T&S yang terdapat di sini, sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya, atau untuk menamatkan Kempen ini dengan memberi notis awal kepada Pelanggan dengan cara memaparkannya di Laman Sesawang Kempen, atau menggunakan sebarang kaedah lain yang dianggap sesuai oleh Bank.
14. T&S yang terkandung di sini, [Terma dan Syarat Pinjaman Peribadi HLB](#) hendaklah dibaca sebagai perjanjian menyeluruh. Sekiranya terdapat percanggahan di antara T&S Kempen ini dengan Terma dan Syarat Pinjaman Peribadi HLB, T&S spesifik di sini akan diguna pakai setakat percanggahan tersebut.
15. Sekiranya terdapat percanggahan di antara T&S di sini berbanding sebarang bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan sebarang bahan lain yang berkaitan dengan atau mengenai Kempen ini, T&S muktamad di Laman Sesawang Kempen akan diguna pakai.
16. T&S yang terkandung di sini dikawalselia oleh dan ditafsirkan berdasarkan undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk berserah kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.
17. Perkataan yang bererti satu jantina merangkumi makna semua jantina dan perkataan-perkataan lain yang bererti tunggal merangkumi makna jamak dan sebaliknya.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan berkenaan dengan terma dan syarat, sila hubungi kami melalui e-mel di hlonline@hlbb.hongleong.com.my atau telefon di 03-7626 8899.